



No. Sebut Harga: SPRM.MEL(S)400-10/2/10

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN HARTA LUCUT HAK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Kementerian atau Jabatan:

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka

No. 2, Jalan Alai Perdana 16,

Crystal Bay

75460 Alai

Melaka

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli Harta Lucut Hak seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Harta Lucut Hak	Kuantiti	Harga Rizab/ Simpanan (RM)
1.	PKL 7374 Model: VOLKWAGEN/GOLF 1.4(A)	1	RM10,400.00
2.	PNN 7374 Model: YAMAHA/NVX	1	RM3,200.00
3.	BKU 2232 Model: PACUAN 4 RODA (4x4) / MITSUBISHI TRITON	1	RM12,000.00
4.	W8472V Model: KTM/200 DUKE (S) STD	1	RM1,200.00

2. Harta boleh dilihat pada **08 Disember 2023, 11 Disember dan 12 Disember 2023** di antara jam **2.30 petang hingga 4.30 petang** kecuali hari Jumaat daripada jam **2.45 petang hingga 4.30 petang** di alamat seperti di atas.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Harta Lucut Hak [Borang SPRM (L) 9/2022]** yang boleh diperolehi di alamat seperti di perenggan 4. Tempoh sah laku tawaran tidak lebih 90 hari bermula dari tarikh sebut harga ditutup.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Sebut Harga **SPRM.MEL(S)400-10/2/10** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

Lobi Aras Bawah,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka
No. 2, Jalan Alai Perdana 16,
Crystal Bay
75460 Alai
Melaka

5. Tarikh tutup sebut harga pada 19 Disember 2023 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(MOHD SHAHRIL BIN CHE SAAD) PKPJ

PKPJ MOHD SHAHRIL BIN CHE SAAD
Pengarah
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Alamat: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka
No. 2, Jalan Alai Perdana 16,
Crystal Bay
75460 Alai
Melaka

Tarikh: 07.12.2023

Cap:



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Harta lucut hak akan dijual tertakluk kepada harga rizab/ simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga rizab/ simpanan tertakluk kepada maksimum RM5,000.00 bagi setiap tawaran. Deposit Sebut Harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank atas nama Ketua Pesuruhjaya SPRM dan diserahkan sebelum tarikh tutup iklan.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua harta lucut hak adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Suruhanjaya ini tidak akan bertanggungjawab ke atas harta lucut hak yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian harta lucut hak seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.
7. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil harta dalam tempoh satu (1) minggu selepas bayaran penuh dilaksanakan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Suruhanjaya ini berhak untuk melupuskan harta lucut hak tersebut.

***Nota: Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan.**



BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN HARTA LUCUT HAK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Nama Individu/ Syarikat:

No. Kad Pengenalan/ Syarikat:

Alamat:

Kepada:

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka
 No. 2, Jalan Alai Perdana 16,
 Crystal Bay
 75460 Alai
 Melaka

Tuan/ Puan,

TAWARAN UNTUK SEBUT HARGA NO. SPRM.MEL(S)400-10/2/10

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Harta Lucut Hak (No Pendaftaran Kenderaan)	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran rizab/ simpanan harta di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia) dalam bentuk Draf Bank, No. _____ atas nama Ketua Pesuruhjaya SPRM dan diserahkan sebelum tarikh tutup iklan.
4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Cap Syarikat:
(sekiranya pihak syarikat)

